

# Ibu bapa berperanan galak anak sertai PLKN 3.0

Oleh Zazrina Zainuddin - 24 June 2025



**Pengerusi Majlis Latihan Khidmat Negara (MLKN), Jeneral (B) Tan Sri Datuk Seri Dr. Abdul Aziz Zainal menyantuni salah seorang pelatih PLKN 3.0 dalam Majlis Perbarisan Tamat Latihan PLKN 3.0 Siri 2/2025 di Kem Rejimen 505 Askar Wataniah Sungai Miang, di Pekan hari ini.**

PEKAN – Ibu bapa perlu memainkan peranan menggalakkan penyertaan anak-anak mereka dalam Program Latihan Khidmat Negara (PLKN), bukan menegah penyertaan mereka.

Pengerusi Majlis Latihan Khidmat Negara (MLKN), Jeneral (B) Tan Sri Datuk Seri Dr. Abdul Aziz Zainal berkata, itu merupakan tanggungjawab ibu bapa demi kemaslahatan generasi muda akan datang.

Menurutnya, MLKN masih memberi kelonggaran terhadap individu tersenarai menyertai program selama 45 hari itu yang enggan melapor diri pada tahun ini.

Namun, katanya tindakan tegas mungkin akan dikuatkuasakan selepas ini setelah mempertimbang alasan dan sebab kukuh ketidakhadiran mereka.

“Sekarang memang penyertaan adalah mandatori, tapi kita longgarkan dahulu. Masih lagi secara pasif. Tapi ia tidak boleh dibiar berlarutan. Kita sebagai rakyat Malaysia ada peranan masing-masing.

“Dan kita di sini memberi jaminan bahawa anak-anak mereka akan menjadi insan cemerlang dengan melalui modul-modul dalam program ini.

“Saya sendiri boleh beri jaminan bahawa pelatih-pelatih ini akan menjadi lebih baik selepas tamat program,” katanya.



**Pengerusi Majlis Latihan Khidmat Negara (MLKN), Jeneral (B) Tan Sri Datuk Seri Dr. Abdul Aziz Zainal**

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas Majlis Perbarisan Tamat Latihan PLKN 3.0 Siri 2/2025 di Kem Rejimen 505 Askar Wataniah Sungai Miang, di sini, hari ini.

Pada siri kali ini, seramai 257 pelatih lelaki menyempurnakan tempoh 45 hari latihan.

Abdul Aziz berkata, sebelum tamat latihan, para pelatih juga didedahkan kepada peluang kerjaya yang boleh diteroka mengikut minat masing-masing.

“PLKN juga akan menjadi konsultan di mana akan ditubuhkan MyCare iaitu kumpulan alumni PLKN yang akan membantu pelatih-pelatih selepas mereka tamat tempoh latihan.

"Jadi, sepanjang hidup mereka nanti, PLKN ni akan memainkan peranan ke arah memberi semangat yang positif kepada mereka," katanya.

Di bawah Seksyen 18(1), Akta Latihan Khidmat Negara membolehkan mereka yang tidak menghadiri Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) didenda tidak lebih RM3,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya. – Malaysiagazette